



PETIKAN AKHBAR

Bernama - Kerajaan Akan Imbang Kawalan Pergerakan, Keperluan Aktiviti Harian - Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 14 OKTOBER 2020



KUALA LUMPUR, 14 Okt - Kementerian Kewangan memberi jaminan bahawa kerajaan akan mengimbangi kawalan pergerakan dan keperluan melakukan aktiviti harian untuk melindungi nyawa dan kehidupan rakyat.

Menterinya Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz berkata kelangsungan ekonomi perlu dilindungi untuk memastikan momentum pemulihan ekonomi dapat dikekalkan.

"Sebagai Menteri Kewangan, untuk memastikan agar rakyat dapat terus mencari rezeki dan perniagaan dapat terus berniaga, adalah penting kepada saya," katanya.

Tengku Zafrul berkata demikian semasa membentangkan Laporan Laksana Ke-25: Pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) menerusi laman sosial Facebook beliau hari ini.

Beliau berkata kerajaan mengambil pengalaman daripada langkah-langkah kawalan pergerakan yang lalu dan kesan langkah tersebut terhadap punca pendapatan dalam usaha memutuskan rantai penularan pandemik COVID-19.

Kerajaan pada minggu ini telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Sabah, Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur setelah mengambil kira peningkatan kes baharu COVID-19 di kawasan-kawasan tertentu, dan juga corak penularan jangkitan wabak tersebut.

"Saya berharap semuanya tabah dan memahami bahawa tindakan ini diambil bagi melindungi rakyat. Janganlah kita leka. Kita masih berperang dengan musuh yang tidak nampak.

"Diingatkan bahawa PKPB ini berbeza dengan PKP yang dilaksanakan pada bulan Mac hingga Mei, di mana hampir keseluruhan aktiviti ekonomi seperti perniagaan, perkilangan dan gerai-gerai masih boleh beroperasi dengan mengikuti prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya.

-- Bernama

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)[HARGA MINYAK](#)[PRICE OF PETROLEUM](#)[TENGKU ZAFRUL](#)[BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)[KWSP](#)[I-SINAR](#)[SINAR HARIAN](#)[JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)[PRIHATIN MOF](#)[PERMAI](#)[BERITA HARIAN](#)